

14/07/2001

Asean wajar tubuh pusat awasi ancaman IT, Internet

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Negara anggota Asean wajar mempertimbangkan penubuhan Pusat Penyelarasan Keselamatan Telekomunikasi Asean bagi menangani pelbagai ancaman teknologi maklumat (IT) dan Internet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perundangan khusus perlu dirangka segera bagi membanteras jenayah siber, pencerobohan komputer, penyebaran virus serta salah guna Internet yang semakin berleluasa kini.

"Sedang kita memantapkan persiapan menempuh era ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi), langkah berjaga-jaga perlu diselaras bagi memastikan teknologi maklumat dan komunikasi tidak disalah guna bagi tujuan jenayah.

"Strategi sesuai juga perlu diwujudkan untuk membanteras peningkatan laman web berunsur menghasut atau membenci pihak tertentu dan mudah dicapai khasnya oleh generasi muda," katanya berucap pada perasmian Mesyuarat Menteri Telekomunikasi Asean Pertama (Telmin) di sini, hari ini.

Teks ucapan Dr Mahathir dibacakan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Mesyuarat Telmin pertama yang bermula Rabu lalu dan dijadualkan berakhir esok, diadakan serentak dengan mesyuarat Pegawai Kanan Telekomunikasi Asean Kedua (Telsom). Mesyuarat Telsom yang pertama diadakan di Brunei tahun lalu.

Semua 10 negara yang menganggotai Asean menghantar wakil serta pegawai kanan kerajaan masing-masing, termasuk menteri yang bertanggungjawab dalam isu telekomunikasi di negara mereka.

Dr Mahathir berkata, Pusat Penyelarasan Keselamatan Telekomunikasi Asean boleh berfungsi sebagai titik tumpuan bagi pengurusan maklumat dan isu keselamatan rangkaian.

Katanya, kebanyakan dalang yang mengendalikan laman web terbabit sukar dikenakan tindakan kerana berpusat di luar negara.

Bagaimanapun, beliau yakin kerjasama di kalangan negara Asean boleh mengubah hakikat itu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta Telmin mewujudkan persefahaman bukan saja bagi menangani isu peringkat Asean, sebaliknya merumus kata sepakat bagi mengawal selia masalah berkenaan peringkat global.

Menerusi cara itu, katanya, negara anggota Asean dapat menentukan kaedah terbaik bagi menerima pakai perkembangan ICT, khususnya dalam e-dagang dan k-ekonomi, mengikut acuan serta agenda tersendiri.

"Pendekatan seumpama ini dapat menjamin Asean tidak kehilangan identiti atau mengalami ancaman keselamatan dan pada masa yang sama, memastikan maklumat yang disebar adalah sah serta bermanfaat kepada rakyat," katanya.

Dalam konteks itu, beliau berkata, media elektronik juga perlu memainkan peranan dengan membuat laporan berasaskan fakta dan bukan berdasarkan spekulasi atau pendapat yang berat sebelah.

Perdana Menteri berkata, media juga perlu bertanggungjawab merapatkan jurang digital di kalangan rakyat sebagai sokongan kepada usaha kerajaan meningkatkan latihan bagi menambah tenaga kerja pakar ICT serta penggunaan komputer.

(END)